

28 JUL 1999

KONSORTIUM PERKAPALAN-RAKAN KONGSI

KPB CARI RAKAN KONGSI UNTUK PERLUAS PERKHIDMATAN LOGISTIK

PETALING JAYA, 28 Julai (Bernama) -- Konsortium Perkapalan Bhd (KPB), yang akan diberi nama baru Konsortium Logistik Bhd, akan mencari rakan kongsi seberang laut dan tempatan untuk memperluaskan liputan perkhidmatan logistiknya, dan membina diri sebagai pesaing yang lebih kuat di rantau Asia Tenggara dan Asia Selatan.

Syarikat ini berubah untuk bersaing secara berkesan dalam pasaran perkhidmatan logistik di rantau ini, yang merangkumi pengangkutan, pergudangan, pelabuhan dan lapangan terbang, serta perkhidmatan-perkhidmatan nilai ditambah, kata pengerusi eksekutif kumpulan, Mirzan Mahathir.

"Kami mahu menonjol di rantau ini, tetapi tanpa perlu melabur di setiap lokasi," katanya selepas mesyuarat agung luar biasa (EGM) KPB di sini hari ini.

"Kami sedang mengkaji apa yang dikenali sebagai logistik pihak ketiga bagi pelanggan kami, agar kami tidak melabur terlalu banyak dalam aspek fizikal," tambahnya.

Ia juga hampir menyamai pendekatan francais. KPB akan memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh rakan-rakan kongsi tempatannya adalah pada tahap yang selesa bagi syarikat itu, dan dengan itu dapat menawarkannya sebagai tawaran tempatan dalam rangkaianannya, jelas beliau.

Mirzan berkata sebagai sebuah syarikat logistik, KPB mesti memperluaskan liputannya untuk memenuhi keperluan pelanggan yang mungkin dari seluruh negara atau seluruh rantau ini.

Katanya strategi KPB dalam jangka panjang ialah untuk mengelak daripada memiliki pegangan saham yang besar dalam syarikat rakan kongsinya.

Mirzan berkata penyertaan ekuiti hanya diperlukan sebagai pemangkin bagi memastikan bahawa standard logistik seperti yang dikehendaki oleh KPB tidak terjejas, dan sebagai dana bagi pertumbuhan rakan kongsi tempatan.

Katanya KPB telah mengenal pasti beberapa syarikat Malaysia dan luar negara sebagai rakan kongsi tempatannya.

Mirzan berkata bagi mengadakan perkhidmatan yang lebih baik bagi meningkatkan liputan, KPB merancang untuk melabur dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan logistiknya dengan melatih kakitangannya, meningkatkan proses perniagaan dan memajukan prasarana maklumat yang terbaik.

Mengenai dana yang diperlukan bagi perubahan KPB, Mirzan berkata pemegang-pemegang saham syarikat itu telah memberikan kelulusan bagi penerbitan saham-saham baru sehingga 10 peratus daripada modal berbayar dan terbitannya.

Menurut beliau keadaan ekonomi yang bertambah baik juga bererti bahawa dana-dana boleh didapati di pasaran dan perniagaan syarikat itu juga menjanakan pengaliran tunai yang mantap.

Selain daripada penerbitan saham untuk mengumpul dana, KPB tidak memikirkan kaedah lain pada masa ini, tetapi ini tidak bererti bahawa ia tidak akan berbuat demikian kemudian nanti bagi mencapai matlamatnya untuk menjadi peserta serantau yang lebih kuat menjelang tahun 2001.

Beliau berkata pada masa ini bilangan syarikat di Thailand dan India yang telah menyuarakan minat untuk menggunakan perkhidmatannya semakin meningkat.

KPB juga sedang meningkatkan perkhidmatannya di Thailand, Indonesia dan Filipina.

Beliau menganggap Asia Timur sebagai pasaran berpotensi bagi perkhidmatan KPB walaupun prasarana di rantau ini masih belum mencukupi bagi perkhidmatan logistik.

KPB, yang pada masa ini berada pada kedudukan ketiga tertinggi di antara syarikat pengangkutan di Malaysia, dengan agihan pasaran sebanyak 22 peratus, menjangkakan perolehan yang lebih baik tahun ini berikutan pertambahan volum kontena, manakala pengaliran masuk pelaburan yang banyak ke Malaysia akan menyaksikan lebih banyak pergerakan logistik, tegas Mirzan.

Mengenai keputusan syarikat itu, beliau berkata, "bagi suku pertama, ia o.k., dan lebih baik dalam suku kedua."

-- BERNAMA

MSL/SHO KY MA